



**SIARAN AKHBAR 08/2024**

**OPERASI *BLOCKADE* MENGGAGALKAN PERCUBAAN SINDIKET DADAH  
ANTARABANGSA MENGGUNAKAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
SEBAGAI HAB TRANSIT DADAH**

***Bandar Seri Begawan, 21 Disember 2024***

Biro Kawalan Narkotik (BKN) telah berjaya mengesan kegiatan percubaan sindiket dadah antarabangsa yang menggunakan Negara Brunei Darussalam sebagai hab transit dadah.

Menerusi Operasi *Blockade* pada awal November 2024, BKN telah berhasil mengesan percubaan sindiket berkenaan yang menjadikan negara ini sebagai titik asal (*point of origin*) tempat penghantaran dadah ke beberapa buah negara lainnya di Timur Tengah, Eropah, Asia Timur dan Benua Australia. Kes ini melibatkan beberapa siri penyeludupan dadah oleh sindiket dadah antarabangsa yang dipercayai berpusat di Benua Amerika.

Modus Operandi sindiket ini menggunakan kemudahan penyewaan ruang pejabat secara maya di negara ini untuk mengalihkan penghantaran bungkusan dadah yang disembunyikan dalam alat pembesar suara dan *Central Processing Unit* (CPU) komputer. Bungkusan udara tersebut kemudian akan diarahkan untuk dihantar semula ke negara lain melalui perkhidmatan kurier. Taktik ini digunakan untuk mengelakkan dari dikesan oleh pihak berkuasa dengan menjadikan negara ini sebagai negara asal pengiriman barangan tersebut. Selain itu, siasatan juga mendapati sindiket tersebut telah cuba merekrut rakyat tempatan untuk turut terlibat dalam memudahkan kegiatan operasi pengedaran mereka.



Hasil siasatan dan kerjasama dengan syarikat perkhidmatan kurier dan sebuah syarikat yang menawarkan perkhidmatan ruang pejabat peribadi secara maya, BKN telah berjaya memintas beberapa penghantaran bungkusan udara yang mengandungi dadah Syabu sebanyak **36.73 kilogram** yang dianggarkan bernilai sekurang-kurangnya **USD 477,000** iaitu kira-kira **BND 640,600** di pasaran antarabangsa. Rampasan sebanyak 36.73 kilogram dalam Operasi *Blockade* ini juga merupakan rekod rampasan terbesar dalam sejarah BKN dan negara ini selepas kejayaan rampasan sebanyak 19 kilogram dalam Operasi Musang King pada tahun 2020.

Bagi meneruskan siasatan dan tindakan lanjut, BKN telah mendapatkan bantuan rakan agensi serantau dan antarabangsa termasuk *Drug Enforcement Agency*, Amerika Syarikat dalam mengesan dan menahan dalang disebalik sindiket ini.

Dalam kesempatan ini, BKN ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada agensi-agensi penguatkuasa yang terlibat dan pihak awam yang tampil memberikan kerjasama dan menyumbang kepada kejayaan penemuan kes ini sebagai usaha bersama membanteras jenayah, sama ada di peringkat nasional mahupun *global*.

Biro Kawalan Narkotik

Jabatan Perdana Menteri

Bandar Seri Begawan

Brunei Darussalam

19 Jamadilakhir 1446H / 21 Disember 2024M



LAMPIRAN





